

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan dilaksanakan melalui *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB). Peningkatan jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 di LTAPP yang mencapai sebanyak 7.2 juta penumpang iaitu 111% daripada kapasiti sedia ada iaitu 6.5 juta penumpang setahun menjadi faktor utama penaiktarafan LTAPP perlu dilaksanakan. Kerajaan komited menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP dengan mengambil langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka panjang agar mutu perkhidmatan kepada para pengguna dapat dipertingkatkan seiring pembangunan pesat industri pelancongan di Pulau Pinang.

Sebagai langkah mitigasi jangka pendek, Kementerian Pengangkutan melalui MAHB sedang merancang untuk melaksanakan terminal *optimization* bagi mengurangkan kesesakan penumpang terutamanya dalam waktu sesak (*peak hour*). Terminal *optimization* dijangka akan disiapkan pada suku kedua tahun 2019. Antara skop kerja yang terlibat adalah

Commented [1]: <!--<div class="row">-->

Commented [2]: START TABLE 1

Commented [3]: <!--tr>
... <th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
... </tr-->

penempatan semula kaunter tiket syarikat penerbangan, penambahan dan pembesaran bagi kaunter daftar masuk dan kaunter imigresen serta mengubah suai lokasi *baggage reclaim carousel*. Pada ketika ini, pihak MAHB masih dalam proses penyediaan dokumen tender bagi melantik kontraktor. Kerja-kerja ubah suai akan mengambil masa 5 bulan dan dijangka siap pada Febuari 2019.

Sebagai langkah jangka panjang pula, MAHB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang. Dalam hal ini, pihak MAHB sedang melaksanakan proses pelantikan juruperunding yang dijalankan melalui proses tender terbuka. Perincian kos keseluruhan projek pembesaran LTAPP adalah tertakluk kepada kajian terperinci yang akan dilaksanakan oleh pihak juruperunding yang akan dilantik dan kaedah pembiayaan yang dipilih. Kerajaan akan mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang *cost effective*.

Commented [4]: <!--<table><tbody>
...<tr>
...<td width="30%" height="20" valign="top"
class="text-left">ID153/FARA</td>
...<td class="text-center" valign="top"
align="center"><div id="pageFooter"></div></td>
...</tr>
...</tbody>
...</table>-->